

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 11 TAHUN 2023**


**PERWAKILAN KUASA BAGI KELULUSAN PERMOHONAN PINDAH MILIK DI BAWAH  
SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938 DAN SEKSYEN 120  
KANUN TANAH NEGARA 1965 KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT  
MELAYU KELANTAN (MAIK)**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 11/2023 yang bersidang pada 31 Mei 2023 telah membuat keputusan untuk mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah Jajahan di bawah peruntukan Seksyen 8 Perwakilan Kuasa 1956 dan Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 sebagaimana yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan KN. PU No. 1942 bertarikh 2hb November 2023 bagi melaksanakan kuasa-kuasa berikut :-

- i. Bagi hakmilik Pejabat Pendaftar, kuasa meluluskan permohonan pindah milik di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan diwakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
- ii. Bagi hakmilik Pejabat Tanah, kuasa meluluskan permohonan pindah milik di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan diwakilkan kepada Pentadbir Tanah Jajahan.

2. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.



**DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, D.P.S.K.(Kelantan)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN.**

**KEPADA:**

Yang Mulia / Yang Amat Berusaha

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Dr. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN**  
**BLOK 3 KOTA DARULNAIM,**  
**15503 KOTA BHARU**  
**KELANTAN**

**NO.FAIL : PTG.KN.17/1/3 (17)**  
**BERTARIKH : 20 JAMADIL AWAL 1445H**  
**04 DISEMBER 2023**